

Kerjasama Strategik Antara Kerajaan Pusat, Negeri Penting Dalam Memakmurkan Negeri - Musa Aman
Bernama
25 April , 2012

KOTA KINABALU, 25 April (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman berkata kerjasama strategik antara kerajaan pusat dan negeri penting dalam memakmurkan negeri dan meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat.

Katanya pelbagai inisiatif bersama bukan sahaja mengeratkan hubungan silaturrahim tetapi dapat mencari penyelesaian secara kolektif dalam menjayakan program pembangunan rakyat.

"Justeru, saya menghargai kerjasama, sokongan dan komitmen yang diberikan oleh kerajaan pusat melalui agensinya seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang turut menjadi pemangkin kepada kemajuan di negeri ini," katanya pada majlis makan malam sempena Mesyuarat Perhubungan Berkala EPU-JPM bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Se-Malaysia di sini.

Musa berkata Sabah juga tidak ketinggalan dalam menjayakan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dalam meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah di negeri itu.

Beliau berkata dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) pula, Sabah mempunyai potensi besar dalam pelbagai bidang seperti industri minyak dan gas, pertanian, pendidikan, pelancongan, kelapa sawit, industri pembuatan dan logistik.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661884>